

MKPI JKM 2017

MKPI	TAFSIRAN	JUSTIFIKASI	SASARAN 2017	AGENSI
<p>#1 – Jumlah produk keluaran penghuni institusi kebajikan di bawah jenama PROWELL yang akan dikomersilkan melalui Pembangunan dan Penilaian Produk</p>	<p>Produk keluaran penghuni institusi kebajikan yang dikenali sebagai projek PROWELL akan dikomersilkan untuk tujuan pemasaran yg lebih luas. Kualiti produk dinilai oleh Majlis Produk Malaysia (MPM).</p>	<p>Selaras dengan konsep Kebajikan Produktif dalam usaha mendayaupayakan klien JKM khususnya penghuni institusi kebajikan.</p>	<p>200 Produk *Sasaran berasaskan perkiraan jumlah produk PROWELL sedia ada yang telah sedia untuk dibawa ke pasaran yg lebih luas</p>	<p>JKM</p>
<p>#2 –Jumlah warga emas yang diberi pengiktirafan Sijil Kejurulatihan Warga Emas oleh Kementerian Kesihatan</p>	<p>Jumlah warga emas yang akan dilatih dan diiktiraf sebagai Jurulatih Warga Emas yang akan berperanan mempromosikan penuaan sihat bagi menggalakkan penuaan sihat di kalangan warga emas.</p>	<p>Selaras dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yg bermatlamat untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif.</p>	<p>30 jurulatih *Sasaran berasaskan perkiraan 2 orang jurulatih bagi setiap negeri</p>	<p>JKM</p>

MKPI JKM 2017

MKPI	TAFSIRAN	JUSTIFIKASI	SASARAN 2017	AGENSI
<p>#3 – Jumlah OKU yang memperoleh pekerjaan melalui Program Job Coach</p>	<p>Melihat jumlah OKU yang berjaya ditempatkan dalam dunia pekerjaan melalui perantaraan Program Job Coach. Job Coach merupakan kerjasama antara Kerajaan dengan sukarelawan yang akan membantu OKU menyediakan diri memasuki dunia pekerjaan dan pihak korporat yang akan menawarkan pekerjaan yang bersesuaian kepada OKU berkenaan</p>	<p>Sistem sokongan pekerjaan bagi membantu OKU keluar bekerja. Program ini selari dengan usaha mendayaupaya OKU ke arah kesaksamaan hak dan peluang.</p>	<p>200 OKU</p> <p>Pertambahan sasaran sebanyak 50 orang daripada KPI pada tahun 2014 iaitu 150 orang.</p>	<p>JKM</p>
<p>#4 –Jumlah kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan yang berjaya ditempatkan bersama keluarga di dalam program pemeliharaan berasaskan keluarga</p>	<p>Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) merupakan suatu pendekatan dalam perkhidmatan penjagaan dan perlindungan kanak-kanak. PBK memberi peluang kepada kanak-kanak yang memrlukan pemeliharaan dan perlindungan untuk berada di dalam suasana keluarga dan komuniti.</p>	<p>Semua kanak-kanak berhak diberi peluang untuk hidup dalam suasana kekeluargaan di samping mengurangkan kos operasi pengurusan institusi kanak-kanak. Ini selari dengan konsep Diinstitutionalisation yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan pada masa ini.</p>	<p>450</p> <p>Kanak-Kanak</p> <p>*Sasaran Berasaskan Baseline sasaran pada 2016 iaitu 300 Dengan Peningkatan 150 orang kanak-kanak</p>	<p>JKM</p>

MKPI JKM 2017

MKPI	TAFSIRAN	JUSTIFIKASI	SASARAN 2017	AGENSI
<p>#5 – Jumlah kanak-kanak di institusi kebajikan yang berjaya memperoleh persijilan kemahiran yang diiktiraf industri</p>	<p>Jumlah kanak-kanak. yang menerima pendidikan kemahiran dalam bidang:</p> <ul style="list-style-type: none"> i.automotif ii.elektrikal iii.kimpalan, iv.binaan bangunan v.Jahitan vi.Masakan vii.Spa 	<p>Meningkatkan kebolehpasaran kanak-kanak institusi kebajikan di pasaran pekerjaan. Bidang-bidang yang dipilih mempunyai potensi kebolehpasaran yang tinggi dan mendapat kerjasama :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Giatmara • Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia • Job Malaysia 	<p>250 Kanak-Kanak.</p> <p>Sasaran ini mengambil kira <i>baseline</i> 200 orang kanak-kanak yang pernah menjadi KPI pada tahun 2014 dengan peningkatan 50</p>	<p>JKM</p>